

16 MAR 2004
Pilihan raya-Kerajaan
MANIFESTO PEMBANGKANG TIDAK MUNASABAH - MAHATHIR

SHAH ALAM, 16 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan manifesto pakatan pembangkang yang menjanjikan penurunan pelbagai jenis cukai, memansuhkan bayaran tol dan menurunkan harga kereta sebagai tidak munasabah.

"Malaysia sedang meningkat maju, tapi kalau hendak kepada pembangunan rakyat hendaklah membayar cukai jadi kerajaan ada duit untuk membuat pembangunan. Mana-mana kerajaan pun akan mengutip cukai untuk membekalkan kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Dr Mahathir yang rancak berkempen untuk calon Barisan Nasional (BN) di seluruh negara, mengajak rakyat memilih wakil mereka dengan bijak dan memastikan kerajaan baru yang dibentuk akan dapat meneruskan usaha membangun negara.

Bekas Perdana Menteri, dalam siri kempen keduanya di Selangor, berkata pilihan raya umum ke-11 diadakan bertujuan mengembalikan kuasa kepada rakyat memilih dan membentuk kerajaan yang dapat berkhidmat untuk mereka.

"Kita perlu teruskan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional supaya segala rancangan untuk kebaikan rakyat dapat diselenggarakan dengan sempurna," katanya semasa berucap di hadapan kira-kira 2,000 penduduk dari sekitar bandaraya Anggerik di Sekyen 18 di sini hari ini.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang telah menyokongnya selama 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata rakyat hendaklah terus menyokong kepemimpinan baru negara yang kini diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Sekarang ini saya merayu sokongan diberikan kepada pemimpin baru, Pak Lah (panggilan mesra kepada Abdullah) supaya beliau dapat meneruskan usaha untuk membangun negara," katanya.

Kemunculan Dr Mahathir di sini, merupakan yang kedua selepas bersama Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan calon BN bagi Parlimen Kapar P. Komala Devi; DUN Selat Klang (Norliza Ahmad); DUN Sementa (Datuk Abdul Rahman Palil); DUN Meru (Datuk Jaei Ismail) dan DUN Sungai Pinang Khoh Siew Kim di Sekolah Pin Hwa semalam.

Hari ini beliau bersama dengan calon BN bagi Parlimen Shah Alam Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, DUN Batu Tiga (Datuk Salamon Selamat) dan DUN Kota Anggerik Datuk Ahmad Nawawi M. Zin.

Esok, Dr Mahathir, akan berada di Kelantan untuk berkempen bagi calon BN negeri itu pula.

Dalam ucapannya kira-kira sejam itu, Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia kini merupakan sebuah negara membangun yang termaju dan dikenali di seluruh dunia.

"Malaysia kini sudah boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Walaupun jumlah rakyat Malaysia tidak besar hanya 25 juta orang berbanding dengan negara lain yang lebih ramai penduduknya tetapi ia berada di tempat ke-17 dalam senarai negara dagang dunia," katanya.

Beliau berkata kejayaan semua itu adalah hasil pentadbiran kerajaan Barisan Nasional sehingga dapat memajukan negara dan rakyat dapat menikmati pembangunan serta kemajuan.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN juga tidak bercakap kosong dan hanya pandai membuat janji sebaliknya memastikan apa yang dijanjikan ditunaikan.

Bagi parti pembangkang pula, khususnya PAS, mereka hanya pandai memberikan janji-janji kosong dengan tujuan meraih undi dan sokongan supaya dapat menjadi wakil rakyat, menikmati elaun dan pangkat tetapi bukan untuk

berkhidmat kepada rakyat, katanya.

"Bagi calon BN pula, kita berkhidmat kepada semua. Pak Lah la ni kata akan ada report card, jadi calon-calon (BN) nanti kena buat report dan kalau tidak buat seperti apa yang dijanjikan, kenalah... (tindakan)," katanya.

Walaupun ucapan Dr Mahathir terganggu seketika berikutan masalah teknikal, orang ramai tetap tidak berganjak dan tekun menunggu untuk mendengar beliau menghabiskan ucapannya.

Dengan hanya menggunakan mikrofon gantian yang tidak dapat didengar dengan jelas, Dr Mahathir meneruskan ucapannya dan orang ramai terus setia mendengar sehingga sistem audio dapat dibaiki.

Beliau mengakhiri ucapannya dengan meminta orang ramai keluar mengundi sejak awal pagi dan memangkah lambang dacing.

Walaupun, perlumbaan Formula One pusingan kedua akan berlangsung di Litar Sepang, beliau menasihatkan orang ramai supaya menunaikan tanggungjawab mereka untuk mengundi sebelum menyaksikan perlumbaan itu.

Ketika ditanya pemberita mengenai ramai calon pembangkang menarik diri di Sabah dan memberikan kemenangan tanpa bertanding kepada calon BN, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan pembangkang tidak mempunyai isu.

Mengenai dakwaan PAS bahawa calon pembangkang menarik diri kerana disogok wang oleh Umno, Dr Mahathir berkata : "Kita tak perlu guna duit, dia orang tak tarik diri pun, kita (calon BN) menang juga."

-- BERNAMA

HS IZI RS